



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : ismail@jpa.gov.my
Web : http://www.jpa.gov.my



Ruj. Kami : JPA(S)TT.71/140/(36)

Tarikh : 13 Ogos 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Tuan,

**LARANGAN PENGLIBATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM
DALAM PERHIMPUNAN HARAM ATAU GERAKAN YANG
MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa penglibatan pegawai perkhidmatan awam dalam perhimpunan haram atau apa-apa bentuk gerakan yang boleh mengganggu ketenteraman awam dan mengancam keselamatan negara berlaku dalam beberapa bentuk, iaitu:

- a) penglibatan secara aktif di luar masa bekerja dengan menyertai apa-apa bentuk gerakan atau perhimpunan haram yang dianjurkan oleh mana-mana pihak;
- b) menggunakan masa pejabat dan meninggalkan pejabat untuk melihat dan menyertai gerakan atau perhimpunan haram; dan
- c) menggunakan peralatan pejabat seperti mesin cetak, mesin penyalin, komputer untuk mencetak dan mengedar

risalah berkaitan dengan apa-apa gerakan atau perhimpunan haram.

3. Dari segi peraturan, penglibatan pegawai perkhidmatan awam dalam perhimpunan haram atau sebarang gerakan yang boleh mengancam keselamatan negara boleh disabitkan di bawah tiga (3) peraturan berikut iaitu:

- a) Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 iaitu seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa memberikan taat setianya kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan;
- b) Peraturan 4(2)(a), (b) dan (c), Peraturan yang sama iaitu pegawai awam tidak boleh membelakangkan tugas awamnya atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa mereka telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya sehingga menjejaskan kebergunaannya sebagai pegawai awam; atau
- c) Peraturan 21(1) dan (2), Peraturan yang sama iaitu mengenai penglibatan pegawai awam dalam politik di mana Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dilarang sama sekali mengambil bahagian dalam politik manakala Pegawai Kumpulan Sokongan hanya boleh memegang jawatan dalam parti politik setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Setiausaha Kementerian mengikut mana yang berkenaan.

4. Ketiga-tiga peraturan di atas bertujuan untuk mempertahankan prinsip '*neutrality*' dan '*impartiality*' dalam perkhidmatan awam. Oleh yang demikian pegawai perkhidmatan awam hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk memberi perkhidmatan kepada orang awam. Di samping itu peraturan di atas juga berlandaskan konsep integriti bagi memastikan perkhidmatan awam benar-benar merupakan perkhidmatan yang

stabil serta berkecuali terhadap mana-mana pihak, kumpulan termasuk gerakan, fahaman dan parti politik.

5. Berdasarkan peraturan yang dinyatakan di atas, pegawai perkhidmatan awam tidak boleh melibatkan diri dalam perhimpunan haram atau sebarang gerakan yang boleh mengancam keselamatan negara. Sekiranya cukup bukti menunjukkan mereka terlibat dalam kegiatan tersebut, maka mereka telah melanggar tatakelakuan pegawai awam khususnya Peraturan 4(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 iaitu tidak memberi taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan. Dengan yang demikian, tindakan tatatertib boleh diambil ke atas mereka.

Sekian, dimaklumkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

s.k.

Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan